



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1963](#) > [July](#) > [18](#) > [Page 5](#) > [Masa'alah rumah haram](#)



Masa'alah rumah haram

Berita Harian, 18 July 1963, Page 5

Share    



Save Citation

[<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>](#)

Masa'alah rumah haram Amaran dari DO: Jangan dirikan rumah2 tanpa izin Kerajaan

BERIBU2 rumah "haram" yang sedang di-duduki oleh keluarga2 Melayu, China dan India di-beberapa kawasan tanah kosong Kerajaan di-sekitar Ibu Kota ini sekarang menimbulkan satu masa'alah yang rumit kepada Kerajaan Negeri Selangor semenjak beberapa tahun yang lalu.

Kebanyakan rumah2 tersebut telah di-dirikan tanpa kebenaran Kerajaan di-kawasan2 perusahaan dan perumahan yang di-khaskan untuk pembinaan gedong2 perniagaan dan rumah2 murah.

Di-satu kawasan di-Kampung Dato Keramat, penduduk2 yang baharu sahaja mendirikan beberapa rumah haram telah mengambil sa-bidang



tanah kosong Kerajaan yang akan di-gunakan untuk membena sa-buah padang permainan untuk penduduk2 kampung itu.

Menafikan

Inche Mohamed Sidek bin Abdul Latiff, Pegawai Daerah Kuala Lumpur telah menafikan bahawa penduduk2 tersebut yang membahagi2kan peruntukan "lot" masing2 di-tanah itu telah mendapat kebenaran daripada pihak-nya.

Dalam sabidang tanah lain di-kampung itu, juga kepunyaan sa-buah persatuan kaki-tangan Kerajaan, beberapa buah rumah haram telah di-dirikan dan ini mungkin akan menimbulkan satu lagi perselisihan kelak.

Kata Inche Sidek: "Perkara2 seperti ini-lah yang tidak di-ingini berlaku yang akan menyusahkan bukan sahaja Kerajaan tetapi pihak2 tuan punya tanah dan penduduk2 itu sendiri yang akan menanggung kerugian besar."

Melanggar

Beliau mengingatkan lagi orang ramai supaya jangan melanggar sa-barang undang2 negeri dengan melakukan kesalahan2 seperti mendirikan rumah2 tanpa kebenaran Kerajaan.

Di-antara beberapa kampung rumah2 haram

itu, Kampung Bukit Mati telah menchatetkan suatu sejarah sa-bagai sa-buah kampung yang telah mendapat layanan khas dari Kerajaan sa-belum Merdeka.

Penduduk2 Melayu yang ramai sa-kali dari kampung itu sangat bertuah kerana di-berikan tanah Kerajaan di-Kampung Dato Keramat. Mereka

ada-lah penduduk2 yang asal sa-kali mendudoki tanah Kerajaan di-kampung tersebut.

Tetapi, sa-lepas Merdeka kebanyakan penduduk2 itu telah menjualkan tanah dan rumah-tangga mereka di-Kampung Dato Keramat itu dan balek ka-kampung asal-nya di-Kampung Bukit Mati di-Lake Garden.

Kawasan2 lain yang sekarang dalam "perhatian" Kerajaan ia-lah Kampong Pantai Baru, Kampong Haji Abdullah Hukum, Kampong Asmara Padi, Kampong Baharu (di-sapanjang2 tanah "simpanan" Sungai Klang), Jalan Maxwell dan Jalan Stork (di-sapanjang2 tanah "simpanan" kereta-api), dan Setapak Dalam.

Di-tubuhkan

Di-Kampung2 Pantai Baru, Haji Abdullah Hukum dan Kurinchi, tiga buah Chawangan UMNO telah di-tubuhkan di-bawah Bahagian UMNO Kuala Lumpur yang di-pimpin oleh Inche Abdullah Yassin, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor.

Bagaimana pun, Kerajaan sedar juga ada beribu2 keluarga China yang telah mendirikan rumah2. harau di-tanah2 kosong Kerajaan di-Jalan Cheras, Sungai Besi, Jalan Peel, Kampong Pandan dan Setapak.

Di-satu kawasan di-Jalan Chan Sow Lin, Kerajaan telah memerentahkan beratus2 penduduk supaya merobohkan rumah mereka dan berpindah ka-tempat2 lain. Kawasan itu akan di-gunakan oleh Kerajaan.

K. LUMPUR, Sabtu

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31